KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	7/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TNB			

Penduduk harap gangguan bekalan elektrik yang berlaku setiap minggu diatasi segera

Sinar Ahad 07.11.2021_28

BANTING - Penduduk di Taman Seri Putra di sini berharap agar isu gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di kawasan kediaman mereka sejak dua bulan lalu dapat diselesaikan segera.

Difahamkan, gangguan berkenaan berlaku pada hampir setiap minggu sehingga mengundang kesukaran buat masyarakat setempat dalam melakukan aktiviti harian.

Seorang penduduk, Ibrahim Mohamad, 59, berkata, dia telah beberapa kali memanjangkan isu berkenaan kepada pihak berwajib, namun sehingga kini masih tiada sebarang maklum balas secara rasmi diterima berhubung permasalahan itu.

"Gangguan bekalan elektrik ini sememangnya menyukarkan, tambahan pula saya sendiri mengalami masalah pernafasan dan perlu menggunakan bantuan mesin oksigen ketika tidur.

"Malah keadaan juga semakin sukar apabila berlaku gangguan ini kerana saya juga perlu menjaga seorang anak kurang upaya (OKU)," katanya ketika ditemui *Sinar Ahad*.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, dia juga pernah tidur di dalam kereta selama lima jam sementara menunggu pihak berwajib menghantar set generator ke kawasan taman itu berikutan gangguan bekalan elektrik pada waktu malam.

"Saya terpaksa gunakan kereta ketika itu kerana kehidupan kami amat memerlukan bekalan elektrik pada setiap hari.

"Penduduk dapat maklumat masalah ini berlaku disebabkan kabel, namun apa yang mengecewakan ialah tiada sebarang pemakluman rasmi dibuat oleh pihak terlibat berhubung masalah sebenar di sini," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar yang turut berturun padang meninjau keadaan memaklumkan bahawa pihaknya akan cuba mendapatkan maklum balas daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung situasi yang berlaku berhubung permasalahan itu.

"Saya difahamkan terdapat hampir 1,000 rumah di taman ini terjejas dengan isu ini.

"Sebagai sebuah syarikat besar, tanggungjawab TNB juga adalah berat dan disebabkan itulah isu-isu sebegini perlu diselesaikan secepat mungkin," ujarnya.



Ibrahim (kiri) berbincang bersama Xavier (tiga dari kiri) berhubung masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan berkenaan.